

**Ucapan Leonid Brezhnev
di Majlis Jamuan Makan Tengahari
diberi kerana meraikannya oleh
Presiden Republik Perancis, Georges Pompidou
pada 26 Jun, 1973**

Tuan Presiden yang dihormati,
Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati,
Rakan-Rakan,

Benarkan saya untuk mengucapkan terimakasih, Tuan Presiden, kerana jemputan untuk melawat negara tuan, dan kerana sambutan baik tuan serta kata-kata mesra tentang Soviet Union dan hubungan kita.

Kami gembira kerana telah mendapat peluang ini bagi mengadakan satu lagi pertemuan dengan tuan. Ia akan meneruskan dialog antara kita, satu unsur penting daripada pertemuan kita di Zaslavl awal tahun ini. Hubungan-hubungan peringkat tinggi dan rundingan-rundingan adalah perkara biasa dalam hubungan-hubungan antara Soviet Union dengan Peranchis, dan setiap pertemuan yang diadakan memberikan satu galakan baharu ke arah persefahaman dan kerjasama untuk faedah bersama antara kedua negara kita.

Pertemuan kita sekarang berlangsung pada waktu yang dinamik dalam perkembangan-perkembangan dunia. Hubungan-hubungan antara beberapa buah negara yang mempunyai sistem-sistem sosial yang berbeza telah digiatkan semula. Usaha-usaha bersungguh-sungguh sedang dijalan-

kan bagi mencari penyelesaian-penyelesaian untuk masalah-masalah yang sangat besar dan penting yang sedang dihadapi oleh dunia. Ini bukan sahaja melibatkan Eropah tetapi juga bagi rantau-rantau lain di dunia. Adalah mungkin bagi menyelesaikan salah satu dari masalah yang paling genting — iaitu bagi menamatkan perang dan memulihkan keamanan di Vietnam. Kesedaran semakin meluas bagi perlunya satu penyelesaian terhadap pertikaian di Timur Tengah.

Jika kita cuba membuat satu kajian umum terhadap semua ini, kita mungkin berkata bahawa hubungan antarabangsa sedang masuk ke peringkat perkembangan yang baharu. Dalam pada itu, hanya baharu-baharu ini, pendapat-pendapat dan dasar mengenai perang dingin menjadi latarbelakang umum terhadap kedudukan antarabangsa, tetapi sekarang gambaran ini telah berbeza. Walau sukar macam mana sekalipun untuk mengatasi tekanan perang dingin itu, masih ada setiap alasan untuk menganggapnya sebagai suatu yang telah pun ditelan masa. Banyak juga yang telah dilakukan bagi mengatasi akibat-akibat dari detik yang paling merbahaya sekali dalam sejarah manusia. Keadaan ketegangan yang dialami oleh dunia telah pun dihapuskan. Kalau boleh kita katakan bahawa kita sekarang telah dapat "melangkahi" satu kawasan ketegangan yang merbahaya. Kemungkinan-kemungkinan yang praktikal ujud pada masa ini bagi memajukan hubungan-hubungan keamanan dan kerjasama untuk faedah bersama antara Timur dan Barat dalam ertikata yang sebenarnya, bagi memulakan pembebasan manusia dari ancaman perang nuklear.

Hasil-hasil dari lawatan ke Amerika Syarikat yang baharu sahaja selesai kami adakan juga menunjukkan tanda-tanda baik mencapai kata pemutus yang demikian rupa. Mungkin boleh disebut secara penuh keyakinan bahawa pertukaran-pertukaran pandangan yang membina dan bercorak seperti urusan perniagaan yang telah kami adakan dengan Presiden Nixon dan perjanjian-perjanjian yang ditandatangani di Washington telah membolehkan untuk mara lebih jauh ke hadapan di bidang kerjasama USSR-AS demi kepentingan-kepentingan rakyat kedua negara, keselamatan dan keamanan sejagat.

Istimewa sekali saya ingin menegaskan betapa pentingnya

Perjanjian Mengenai Mencegah Perang Nuklear, yang dipersetujui tempoh hari antara Soviet Union dan Amerika Syarikat. Tujuan perjanjian ini bukan sahaja untuk mencegah satu pertentangan nuklear antara kedua kuasa tetapi juga untuk mengurangkan sedapat yang boleh ancaman perang nuklear bagi negara-negara lain. Oleh kerana yang demikian, adalah menjadi kepercayaan kami yang kuat bahawa perjanjian ini memenuhi kepentingan-kepentingan utama semua negara. Dan ini sebab mengapa perjanjian telah diterima dan dipersetujui sebegitu rupa oleh masyarakat dunia.

Dalam detik persimpangan yang sedang dilihat sekarang, seseorang itu terutama sekali akan dapat melihat dengan jelas bagaimana kena pada masanya dan berhasilnya langkah-langkah yang diambil oleh Soviet Union dan Perancis yang mana, dengan adanya persetujuan kedua pihak, telah mengarahkan usaha-usaha mereka ke arah mencapai persefahaman, kerjasama dan keamanan. Hubungan di antara kita telah memberi satu contoh yang baik. Saya ingin sekali menegaskan hal ini di sini di Paris, kerana perkembangan dalam kerjasama antara Soviet-Perancis, dalam pandangan kami, memberikan satu contoh tentang sikap hidup bersama, bagi memajukan lagi hubungan persahabatan dan sikap berjiran yang baik antara kuasa-kuasa besar yang mempunyai sistem-sistem sosial yang berlainan. Adalah mustahak, pada pandangan kami, bahawa pendapat-pendapat yang membina hendaklah diteruskan, pendapat-pendapat yang boleh memberi semangat kepada rakyat, dan dengan demikian membuka harapan-harapan berguna dan kukuh bagi mencapai satu kehidupan yang aman.

Kerajaan Soviet-Perancis mempunyai sumbangan yang besar dalam hal ehwal Eropah. Pada masa ini persidangan semua negara-negara Eropah yang akan bermula dalam masa beberapa hari lagi adalah berada di peringkat hadapan sekali dalam perhatian politik Eropah. Buat pertama kalinya dalam sejarah Eropah, wakil-wakil bertanggungjawab dari negeri-negeri Eropah, Amerika Syarikat dan Canada akan bertemu di Helsinki. Fakta ini adalah suatu yang sangat penting. Tetapi perkara yang lebih mustahak ialah bahawa dalam pertemuan itu, para pesertanya akan terpaksa melihat tentang masa hadapan benua kita dan me-

rangka jalan-jalan bagi memajukan pertalian untuk faedah bersama antara negeri-negeri yang berkenaan dalam keadaan-keadaan kerjasama keamanan. Ini adalah satu masalah yang punya bidang sejarah yang sebenar. Dan bagi mengatasinya adalah bererti bukan sahaja membuat satu pendekatan yang baharu di Eropah, tetapi juga memberi satu contoh yang punya kedudukan yang luas di bidang antarabangsa. Pada pandangan kami, sikap-sikap yang sama yang dianuti oleh Soviet Union dan Peranchis terhadap soal-soal penting dalam keselamatan Eropah adalah satu jaminan terhadap kerjasama yang lebih lanjut antara kedua negara kita dalam menentukan jayanya sidang tersebut. Kami yakin bahawa dalam masa akan datang nanti Soviet Union dan Peranchis akan dapat memainkan peranan utama dalam mengujudkan kerjasama di seluruh benua tersebut, sudah tentu, dengan mengambil perhatian yang sewajarnya bahawa Soviet Union dan Peranchis mempunyai sahabat-sahabat dan negara-negara sekutu masing-masing.

Parti Kominis Soviet Union dan seluruh rakyat Soviet memberi nilai yang tinggi terhadap hubungan persahabatan dengan Peranchis dan rakyatnya. Usaha meningkatkan terus hubungan-hubungan ini di bidang-bidang politik, ekonomi dan sains serta kebudayaan adalah salah satu daripada kecenderungan utama dasar luar negeri Soviet. Begitulah cara pendekatan Kongres Parti kami yang ke 24 terhadap soal hubungan-hubungan dengan Peranchis, satu pendekatan yang sekali lagi disahkan dalam Sidang Pleno bulan April Jawatankuasa Pusat CPSU yang dianggap sebagai teras-teras utama dalam dasar luar negeri Soviet.

Tuan Presiden yang dihormati,

Dalam masa pertukaran-pertukaran pandangan yang berlaku sekarang kami telah menumpukan perhatian kami terhadap beberapa soal penting dalam perkembangan antarabangsa dewasa ini dan dalam menentukan betapa pentingnya ia di segi kedudukan Eropah dan dunia keseluruhannya. Seperti yang telah sudah kami mendapati suatu rupa persamaan dalam pandangan-pandangan kita. Perjumpaan dan rundingan-rundingan yang diadakan dengan tuan adalah tanda pengesahan terhadap betapa berkembang dan stabilnya kerjasama Soviet-Peranchis. Kepercayaan yang di-

tunjukkan oleh kedua pihak kita, satu kepercayaan yang diwujudkan dalam masa tahunt-ahun kesukaran perang dan kemudiannya diperkuatkan lagi, sedang meningkat bertambah kukuh bagi faedah rakyat kedua negara kita dan bagi keselamatan Eropah serta antarabangsa.

Untuk kesihatan Tuan Pompidou, Presiden Republik Peranchis.

Untuk kemajuan dan mengeratkan lagi kerjasama Soviet-Peranchis, untuk persahabatan antara rakyat USSR dan rakyat Peranchis!